

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

13. Nyatakan persatuan-persatuan wanita yang ditubuhkan dalam Negeri Pulau Pinang dan peranan yang dimainkan.

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Terdapat sebanyak 40 persatuan wanita yang ditubuhkan di Negeri Pulau Pinang seperti di **Lampiran A**.

Persatuan-persatuan wanita Negeri Pulau Pinang didaftarkan mengikut kategori seperti rekreasi, kebajikan, keagamaan, hak asasi, sosial, perdagangan serta kebudayaan dan kesenian. Antara peranan yang dimainkan oleh setiap persatuan wanita ialah :

- (i) Bertindak sebagai *social enterprise* dalam membangunkan negara seiring dengan kepesatan kemajuan dunia;
- (ii) Menjadi penyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dengan memperkembangkan bakat, minat serta keupayaan dalam menghasilkan produk-produk industri kecil dan menghasilkan lebih ramai usahawan wanita yang berjaya;

- (iii) Menyampaikan suara rakyat terutamanya yang melibatkan hal berkaitan wanita seperti isu-isu sosial, masalah-masalah keluarga, peribadi, kewangan dan sebagainya;
- (iv) Menyahut seruan kerajaan dalam membangunkan modal insan demi kemajuan negara dengan mencungkil serta mengasah potensi diri wanita;
- (v) Mengembangkan serta mencungkil bakat-bakat dalam seni dan kebudayaan seperti tarian tradisional pelbagai kaum, seni kraftangan serta lukisan yang mana seterusnya mampu menyumbang kepada sektor pelancongan negara;
- (vi) Memberi bantuan serta sokongan kepada golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal, warga emas dan golongan kurang upaya supaya dapat berkongsi dan merancang serta melakukan aktiviti berfaedah yang mana dapat meningkatkan taraf hidup mereka;
- (vii) Menawarkan kursus atau program dalam bidang yang diminati bagi menambahkan pengetahuan serta meningkatkan keyakinan diri;
- (viii) Berperanan dalam memastikan pemeliharaan alam sekitar sentiasa dititikberatkan serta menggalakkan golongan wanita untuk lebih prihatin terhadap kehidupan alam;
- (ix) Memberi khidmat nasihat atau kaunseling kepada golongan wanita yang memerlukan serta membantu mencari jalan penyelesaian bagi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka;

- (x) Mewujudkan pusat perlindungan kepada golongan wanita yang memerlukan dalam masa yang sama meringankan beban yang dipikul;
- (xi) Melaksanakan aktiviti rekreasi yang berfaedah kepada golongan wanita supaya lebih aktif, cergas dan berkeyakinan dan dalam masa yang sama dapat mengeratkan silaturrahim sesama masyarakat;
- (xii) Mengadakan program dan aktiviti yang berunsurkan pendidikan bagi melahirkan generasi yang berkualiti dan dapat menyumbang ke arah kemajuan negara;
- (xiii) Melaksanakan pelbagai aktiviti dan bimbingan kepada wanita dan juga masyarakat untuk menceburi bidang perniagaan untuk melahirkan usahawan baharu yang berkaliber dan berpotensi demi menyumbang ke arah peningkatan taraf ekonomi negara;
- (xiv) Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sukan dan riadah serta menganjur program seperti mengadakan kursus, seminar, bengkel, forum, dialog, kem dan perhimpunan bagi meningkatkan pengetahuan wanita dalam pelbagai bidang; dan
- (xv) Memelihara dan mempertingkatkan imej serta martabat wanita dan bekerjasama dengan persatuan atau pertubuhan berdaftar lain yang mempunyai matlamat yang sama dan juga melaksanakan pelbagai aktiviti keagamaan komuniti yang dijalankan dengan menepati syarat pihak berkuasa berkenaan tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.